

04 MAR 1997

Umno-Bumiputera

UMNO MAHU BILANGAN BUMIPUTERA KELAS PERTENGAHAN DIPERTINGKAT

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno mendesak kerajaan-kerajaan negeri supaya mengambil tindakan untuk mewujudkan lebih ramai golongan bumiputera kelas pertengahan memandangkan bilangan mereka masih lagi kurang.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata usaha meningkatkan golongan itu boleh dilakukan melalui peluang-peluang perniagaan, latihan dalam bidang pengurusan, perniagaan secara francais dan sebagainya.

"Sementara kita telah berjaya mewujudkan peluang pekerjaan di peringkat bawahan kepada semua rakyat Malaysia termasuk bumiputera, kita juga telah berjaya mewujudkan golongan bumiputera yang terlibat dengan kegiatan ekonomi di peringkat atasan," katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di ibu pejabat parti di sini, malam ini.

"Tetapi di tengah-tengah apa yang dipanggil 'middle class' (kelas pertengahan) bilangan mereka tidak mencukupi untuk mengimbangi bilangan 'middle class' kaum lain," katanya.

Justeru itu, beliau menyebut mengenai keadaan dengan tidak ramai bumiputera kelas pertengahan yang mampu membeli rumah-rumah berharga antara RM50,000 hingga RM300,000 walaupun mendapat potongan lima peratus.

Dr Mahathir berkata bilangan bumiputera kelas pertengahan yang terlibat dalam perniagaan dan perusahaan perlu dipertingkatkan kerana sebagai pekerja bergaji adalah sukar untuk meningkatkan pendapatan.

Ditanya mengenai tindakan kerajaan pusat dalam usaha berkenaan, Perdana Menteri berkata perkara itu sebenarnya telah dibawa ke Kabinet.

"Kabinet bersetuju bahawa kita perlu mengadakan tumpuan untuk mewujudkan bilangan bumiputera kelas pertengahan dan tindakan seperti yang kita nasihatkan kepada kerajaan negeri sudahpun diterima oleh kerajaan pusat," katanya.

Dr Mahathir berkata bilangan bumiputera kelas pertengahan yang perlu diwujudkan itu tidak ditentukan melainkan mahu bilangan itu bertambah daripada keadaan sekarang.

"Ini perlu supaya apabila ada projek-projek perumahan kos menengah, ada bumiputera yang mampu membelinya," kata beliau. -- BERNAMA

AZZ NAK